

# MITASA



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA



ISO 9001:2000 No. Sijil KLR 0404089



**Terbaik antara  
Terbaik**

**Konvensyen  
Akademik**

**'Kenaikan  
Tangga Gaji'**

**Selamat  
Tahun  
Baru**

**2008**



Pendaftaran kehadiran pada Mesyuarat Agung



Sebahagian dari ahli yang hadir pada Mesyuarat Agung



### Lawatan ke UiTM Perlis

Lawatan EXCO MITASA ke UiTM Perlis bagi pertemuan ahli-ahli di Perlis.



Bersama wakil MITASA UiTM Perlis



### Pertemuan dengan iLQaM

MITASA telah mengadakan perjumpaan dengan pihak iLQaM pada 4 Julai 2006. Perjumpaan tersebut dipengerusikan oleh PNC iLQaM, Prof. Madya Dr Mohd Mustafa Mohd Ghazali.

Beberapa isu yang dibangkitkan oleh ahli-ahli MITASA telah dibincangkan pada pertemuan tersebut. Antaranya ialah:

- i) Memohon PTK diadakan dua kali setahun (Pertengahan dan akhir tahun).
- ii) Memohon keputusan PTK dikeluarkan awal untuk digunakan bagi tujuan permohonan kenaikan pangkat.

- iii) Memperkenalkan Program Latihan bagi menggantikan PTK.  
(iLQaM memaklumkan PTK yang dianjurkan adalah mengikut pekeliling JPA dan diberi merit).
- iv) Pengecualian PTK3.  
(iLQaM memaklumkan setakat ini tiada pengecualian kepada pensyarah).



Perfemuan EXCO MITASA dengan iLQaM



### Rayuan Mengenai ITK RM500.00

MITASA telah menghantar surat rayuan eluan ITK kepada Perdana Menteri sebagai membala surat JPA yang agak mengelirukan.



### Konvensyen Akademik Anjuran MITASA / GERA

Konvensyen Akademik anjuran MITASA dan GERA telah diadakan pada 16 Disember 2007 (Ahad), bertempat di Dewan Muktamar 1, Pusat Islam UiTM Shah Alam, bermula pada pukul 8.00 pagi hingga 4.30 petang.

Wakil-wakil dari lapan kesatuan/persatuan di bawah naungan GERA merangkumi Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Islam Antarabangsa (UIAM), Universiti Pertanian Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknikal Malaysia (UTEM), telah hadir pada konvensyen tersebut.

Sebanyak dua kertas kerja telah dibentangkan dan dibincangkan semasa konvensyen. Kertas cadangan bertajuk 'Autonomi Universiti', dibentangkan oleh Prof. Madya Rosli Haji Mahat dari Persatuan Kakitangan Akademik Universiti Malaya (PKAUM) dan kertas kerja 'PELAN Strategik Pengajaran Tinggi Negara' telah dibentangkan oleh Prof. Dr Wan Manan Wan Muda dari Persatuan Kakitangan Akademik Universiti Sains Malaysia (PKUSM).